

'Kesan negatif cukai soda tak lama'

➔ Kos bahan mentah rendah, syarikat boleh perkenal pelbagai jenis minuman lebih sihat

Oleh Amir Hisyam Rasid
bhbiz@bh.com.my

Impak negatif cukai gula atau soda ke atas industri makanan dan minuman dijangka berlaku jangka masa pendek, kata penganalisis.

Ia susulan kos bahan mentah gula yang rendah, selain kemampuan minuman bergula, walaupun selepas mengambil kira kos tambahan.

Bagaimanapun, penganalisis memberi amaran, cukai lebih tinggi akan menjadikan harga produk

di luar jangkauan pengguna.

Ia akan memberi kesan besar kepada pendapatan pengusaha minuman jangka panjang dan kos pekerjaan dalam industri.

Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata jika itu berlaku (cukai yang jauh lebih tinggi daripada cadangan semasa), industri akan mengalami perubahan.

Pengetatan margin

"Kita mungkin melihat industri mengalami pengetatan margin pendapatan dan mengamalkan langkah pemotongan kos seperti penutupan kilang dan pengurangan pekerja.

"Contoh paling hampir adalah apa yang terjadi kepada industri tembakau," katanya.

Ahmed Razman berkata, peningkatan harga daripada cukai lebih tinggi akan menyebabkan pengguna beralih kepada minuman manis alternatif lain.

Menerusi Belanjawan 2019, mulai 1 April tahun depan, duti ekaisis pada kadar 40 sen per liter



Pengeluar mungkin akan giatkan penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan formula alternatif dalam minuman yang akan mengurangkan penggunaan gula atau tidak.

"Kebanyakan mereka menghasilkan minuman bergula pada kadar rendah atau pemanis gantian seperti stevia atau aspartame.

"Tumpuan adalah memastikan alternatif ini boleh dihasilkan pada kos sama atau lebih rendah daripada minuman manis ketika ini," katanya.

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pensyarah Kanan PBS

akan dikenakan ke atas minuman mengandungi gula atau pemanis berdasarkan gula melebihi lima gram per 100 ml, selain jus buah dan sayur yang mengandungi gula melebihi 12 gram bagi setiap 100 ml.

Razman menjangka perubahan utama adalah syarikat akan memperkenalkan pelbagai jenis minuman lebih sihat atau mengekalkan jenama mereka, tetapi dengan kuantiti gula lebih rendah.

Pemanis gantian

"Pengeluar mungkin akan mengiatkan penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan formula alternatif dalam minuman yang akan mengurangkan penggunaan gula atau tidak.

"Kebanyakan mereka menghasilkan minuman bergula pada kadar rendah atau pemanis gantian seperti stevia atau aspartame.

"Tumpuan adalah memastikan alternatif ini boleh dihasilkan pada kos sama atau lebih rendah daripada minuman manis ketika ini," katanya.

MIDF Research dalam laporannya berkata, pengeluar minuman sentiasa memperkenalkan pelbagai jenis minuman lebih sihat, tetapi mengekalkan rasa yang sama.

Firma penyelidikan itu berkata, dengan cukai baharu, ia akan mempengaruhi pendapatan syarikat pengeluar dengan menyerap peningkatan kos bagi mengekalkan penguasaan pasaran.

"Dalam jangka masa panjang, kami percaya pertumbuhan pendapatan akan tetap stabil kerana harga produk makanan dan minuman tidak banyak berbeza di bawah Cukai Jualan dan Perkhidmatan.

"Kos bahan mentah utama seperti minyak sawit dan gula halus akan kekal rendah serta kos pengeluaran yang lebih rendah hasil daripada peningkatan automasi," katanya.

RAM Ratings pula berkata, walaupun kuantum kenaikan harga agak minimum, permintaan dijangka terjejas pada masa terdekat berikutan reaksi pengguna.